

17 OCT 2000

GPMS-Pemimpin

PEMIMPIN PERLU AKUR PANDANGAN PERDANA MENTERI

KUALA TERENGGANU, 17 Okt (Bernama) -- Semua pemimpin persatuan belia di negara ini perlu akur dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya golongan muda diberikan peluang untuk memimpin persatuan.

Setiausaha Agung Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Syed Anuar Syed Mohamad berkata, sudah sampai masanya sesetengah persatuan belia melakukan perubahan kepimpinan agar ia lebih sesuai dengan jiwa belia.

"Kita tidak merujuk kepada persatuan Kelab-Kelan Belia Malaysia (MAYC) sahaja, secara umumnya semua pihak kena akur bahawa pemimpin belia biarlah berusia 40 tahun ke bawah," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Dr Mahathir yang menggesa supaya persatuan belia seperti MAYC dipimpin oleh golongan belia sendiri demi masa depan golongan itu.

Syed Anuar berkata, ia tidak bermakna sumbangan golongan tua atau veteran tidak diperlukan tetapi peluang yang luas perlu diberikan kepada golongan muda untuk membuktikan kepimpinan mereka.

Beliau mengambil contoh Majlis Belia Malaysia (MBM) yang dipimpin oleh orang muda yang telah berjaya dalam agendanya ke arah pembangunan belia sehingga pandangan pucuk pimpinan majlis itu mendapat perhatian di peringkat antarabangsa.

"Begitu juga dengan Menteri Belia dan Sukan sekarang atau Menteri Besar Selangor, mereka adalah orang muda yang mampu membuktikan kewibawaan dan boleh menyumbang ke arah pembangunan belia yang berwibawa," katanya.

Bagaimanapun beliau berkata golongan muda yang diberikan peluang memimpin wajar mendapat pandangan orang tua kerana gandingan sedemikian akan membantu membentuk persatuan yang lebih cemerlang.

Syed Anuar berkata peranan golongan belia kian penting dalam mengisi arus pembangunan negara yang turut menuntut mereka mempersiapkan diri dengan nilai budi dan akhlak yang berkualiti.

"Jika mereka ini dibiarkan akibat kepimpinan yang lemah, ia akan membantutkan usaha kerajaan untuk melahirkan belia berwibawa dalam mengisi pembangunan itu," katanya.

-- BERNAMA

AYB PR